



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**HUBUNGAN ANTARA PERSONALITI DENGAN KEMAHIRAN
MENOLONG YANG DIGUNAKAN OLEH PEMBIMBING
RAKAN SEBAYA (PRS)**

Wan Noradila Bt Wan Mohd Zain

Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian
2006

BF
637
W244

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : Hubungan Antara Personaliti Dengan Kemahiran Menolong Yang Digunakan Oleh Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)

SESI PENGAJIAN : 2006/2007

Saya WAN NORADILA BINTI WAN MOHD ZAIN
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. ** sila tandakan (✓)


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
Lot 1503, Belakang Pejabat Penggawa,
Kampung Laut II, 16040 Palekbang,
Kelantan.

Tarikh: 11 Julai 2006

Tarikh: 11 Julai 2006.

Catatan: * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai TERHAD.



**HUBUNGAN ANTARA PERSONALITI DENGAN KEMAHIRAN
MENOLONG YANG DIGUNAKAN OLEH PEMBIMBING RAKAN
SEBAYA (PRS)**


WAN NORADILA BT WAN MOHD ZAIN

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian
(Kaunseling)**

**Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2006**

Projek bertajuk 'Hubungan Antara Personaliti Dengan Kemahiran Menolong Yang Digunakan Oleh Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)' telah disediakan oleh Wan Noradila binti Wan Mohd Zain dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Kaunseling).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Prof. Madya Zuraidah Abdul Rahman)

Tarikh:

11 Julai 2006.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan serta jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Zuraidah Abdul Rahman selaku penyelia untuk projek ini. Sesungguhnya segala tunjuk ajar, ulasan dan komen yang telah diberikan sepanjang proses menjalankan kajian ini sehingga ia diterbitkan amat dihargai. Melalui segala bentuk pertolongan yang telah diberikan telah memberikan kekuatan kepada saya untuk menyiapkan projek ini serta menghasilkan suatu kajian yang lebih bermutu.

Selain itu, jutaan terima kasih juga diucapkan buat ahli keluarga yang tidak pernah putus memberikan sokongan dan dorongan dalam memastikan kajian ini dapat dilakukan dengan sebaiknya. Meskipun terdapat pelbagai halangan yang terpaksa ditempuhi, akhirnya dengan semangat yang telah diberikan telah membuatkan saya berjaya mengatasi segala permasalahan yang timbul.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Sekolah Menengah Tun Abang Haji Openg dan Kolej Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah kerana telah membenarkan kajian ini dilakukan di sekolah terbabit. Segala kerjasama yang diberikan oleh pihak sekolah, para kaunselor serta ahli-ahli Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di sekolah tersebut amat dihargai dalam merealisasikan kajian ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih diucapkan kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Kaunseling UNIMAS yang telah banyak memberikan tunjuk ajar. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan serta semua pihak yang telah membantu saya dalam menyempurnakan kajian ini.

Akhir sekali, diharap kajian ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak yang berkaitan dan dapat menjadi panduan untuk semua.

Sekian, terima kasih.

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan	iii
Jadual Kandungan	iv
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	x
Abstrak	xi
Abstract	xii

BAB 1: PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	3
1.2	Kenyataan Masalah	6
1.3	Objektif Kajian	
	1.3.1 Objektif Umum	7
	1.3.2 Objektif Khusus	7
1.4	Hipotesis Kajian	8
1.5	Kerangka Konseptual	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Definisi Istilah	12
1.8	Limitasi Kajian	17
1.9	Kesimpulan	19

BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0	Pendahuluan	20
2.1	Sejarah Sorotan Kajian Lepas	21
2.2	Kajian Berkaitan	26
2.3	Personaliti	29
2.4	Kemahiran Menolong	35
2.5	Teori Berkaitan	37
2.6	Kesimpulan	39

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	40
3.1	Populasi Kajian	41
3.2	Rekabentuk Kajian	41

3.3	Prosedur Pengumpulan Data	42
3.4	Prosedur Analisis Data	42
3.5	Instrumen Kajian	44
3.6	Ujian Pilot	47
3.7	Kesimpulan	48

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.0	Pengenalan	49
4.1	Statistik deskriptif	50
	4.1.1 Analisa taburan demografi	50
	4.1.2 Analisa kebolehpercayaan instrumen	52
4.2	Statistik inferensi	53
	4.2.1 Pengujian hipotesis	
	4.2.1.1 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Ekstrovert dengan kemahiran kefahaman	54
	4.2.1.2 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Ekstrovert dengan kemahiran meneroka	55
	4.2.1.3 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Ekstrovert dengan kemahiran bertindak	56
	4.2.1.4 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Penyetujuan dengan kemahiran kefahaman	57
	4.2.1.5 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Penyetujuan dengan kemahiran meneroka	58
	4.2.1.6 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Penyetujuan dengan kemahiran bertindak	59
	4.2.1.7 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Ketelitian dengan kemahiran kefahaman	60
	4.2.1.8 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Ketelitian dengan kemahiran meneroka	61
	4.2.1.9 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Ketelitian dengan kemahiran bertindak	62
	4.2.1.10 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Kestabilan emosi dengan kemahiran kefahaman	63
	4.2.1.11 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Kestabilan emosi dengan kemahiran meneroka	64
	4.2.1.12 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Kestabilan emosi dengan kemahiran bertindak	65
	4.2.1.13 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Keterbukaan dengan kemahiran kefahaman	66
	4.2.1.14 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Keterbukaan dengan kemahiran meneroka	67

	4.2.1.15 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Keterbukaan dengan kemahiran bertindak	68
	4.2.2 Ringkasan Keputusan Pengujian Hipotesis	69
	4.2.3 Perbincangan Pengujian Hipotesis	71
4.3	Kesimpulan	73
BAB 5	RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.0	Pengenalan	74
5.1	Rumusan Kajian	75
5.2	Kesimpulan Dapatan Kajian	77
5.3	Cadangan Kajian	78
	5.3.1 Cadangan kepada pihak Sekolah	79
	5.3.2 Cadangan kepada Kaunselor	79
	5.3.3 Cadangan kepada Pengkaji akan datang	81
5.4	Kesimpulan	83
	RUJUKAN	84
	LAMPIRAN	90

SENARAI JADUAL

Jadual 1 Interpretasi umum nilai pekali Kolerasi	43
Jadual 2 Rumusan penganalisaan data	44
Jadual 3 Skala likert dengan 9 skala	46
Jadual 4 Skala likert dengan 10 skala	47
Jadual 5 Kebolehpercayaan Skala berdasarkan Ujian Pilot	48
Jadual 6 Taburan responden mengikut jantina	50
Jadual 7 Taburan responden mengikut umur	51
Jadual 8 Taburan responden mengikut bangsa	52
Jadual 9 Kebolehpercayaan Skala Berdasarkan Nilai Alpha	52
Jadual 10 Hasil ujian Kolerasi antara personaliti Ekstrovert dengan kemahiran kefahaman	54
Jadual 11 Hasil ujian Kolerasi antara personaliti Ekstrovert dengan kemahiran meneroka	55
Jadual 12 Hasil ujian Kolerasi antara personaliti Ekstrovert dengan kemahiran bertindak	56

Jadual 13 Hasil ujian Kolerasi antara personaliti Penyetujuan dengan kemahiran kefahaman	57
Jadual 14 Hasil ujian Kolerasi antara personaliti Penyetujuan dengan kemahiran meneroka	58
Jadual 15 Hasil ujian Kolerasi antara personaliti Penyetujuan dengan kemahiran bertindak	59
Jadual 16 Hasil ujian Kolerasi antara personaliti Ketelitian dengan kemahiran kefahaman	60
Jadual 17 Hasil ujian Kolerasi antara personaliti Ketelitian dengan kemahiran meneroka	61
Jadual 18 Hasil ujian Kolerasi antara personaliti Ketelitian dengan kemahiran bertindak	62
Jadual 19 Hasil ujian Kolerasi antara personaliti Kestabilan emosi dengan kemahiran kefahaman	63
Jadual 20 Hasil ujian Kolerasi antara personaliti Kestabilan emosi dengan kemahiran meneroka	64
Jadual 21 Hasil ujian Kolerasi antara personaliti Kestabilan emosi dengan kemahiran bertindak	65
Jadual 22 Hasil ujian Kolerasi antara personaliti Keterbukaan dengan kemahiran kefahaman	66
Jadual 23 Hasil ujian Kolerasi antara personaliti Keterbukaan dengan kemahiran meneroka	67

Jadual 24 Hasil ujian Kolerasi antara personaliti Keterbukaan dengan kemahiran bertindak	68
Jadual 25 Jadual Ringkasan Keputusan Pengujian Hipotesis	69

SENARAI RAJAH

Rajah 1
Kerangka Konseptual Kajian

10

ABSTRAK

Hubungan Antara Personaliti Dengan Kemahiran Menolong Yang Digunakan Oleh Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)

Wan Noradila binti Wan Mohd Zain

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara personaliti dengan kemahiran menolong yang digunakan oleh Pembimbing Rakan Sebaya (PRS). Responden kajian ini terdiri di kalangan ahli PRS seramai 58 orang dari Tingkatan 2 hingga Tingkatan 6 dari dua buah sekolah, iaitu Sekolah Menengah Tun Abang Haji Openg dan Kolej Datuk Patinggi Tun Abang Haji Abdillah. Metodologi kajian yang digunakan ialah kaedah *survey* dengan mengedarkan borang soal selidik ke atas responden kajian. Borang soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A : Faktor demografi, Bahagian B : Personaliti *Big-Five* dan Bahagian C : Kemahiran menolong. Bagi menganalisa data yang diperolehi, kaedah statistik deskriptif digunakan untuk mengukur frekuensi dan kekerapan berdasarkan faktor demografi iaitu jantina, umur dan bangsa. Manakala statistik inferensi seperti Kolerasi Pearson digunakan untuk menganalisa hipotesis kajian untuk melihat hubungan antara personaliti *Big-Five* dengan kemahiran menolong. Menerusi dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara personaliti Penyetujuan dengan kemahiran meneroka, personaliti Ketelitian dengan kemahiran tindakan serta personaliti Kestabilan emosi dengan kemahiran meneroka dan kemahiran bertindak. Manakala tidak terdapat hubungan antara personaliti Ekstrovert dengan kemahiran kefahaman, kemahiran meneroka dan kemahiran bertindak, personaliti Penyetujuan dengan kemahiran kefahaman dan kemahiran bertindak, personaliti Ketelitian dengan kemahiran kefahaman dan kemahiran meneroka, personaliti Kestabilan emosi dengan kemahiran kefahaman, personaliti Keterbukaan dengan kemahiran kefahaman, kemahiran meneroka dan kemahiran bertindak. Di akhir kajian, pengkaji turut mengemukakan beberapa cadangan yang bersesuaian kepada pihak sekolah, kaunselor dan pengkaji akan datang yang berminat untuk mengkaji tajuk yang sama pada masa akan datang.

ABSTRACT

Relationship Between Personality and Helping Skills Used by Peer Helpers or Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)

Wan Noradila binti Wan Mohd Zain

The aim of this study is to measure the relationship between personality and helping skills used by peer helpers or Pembimbing Rakan Sebaya (PRS). Respondents of the study are 58 members of PRS from Form 2 to Form 6 in two schools, Sekolah Menengah Tun Abang Haji Openg and Kolej Datuk Patinggi Tun Abang Haji Abdillah. Methodology of the study used is survey method by distributing questionnaires to the respondents. The questionnaires consist of three sections which are: Section A: Demographical factors, Section B: Big-Five Personality and Section C: Helping skills. To analyze the data obtained, descriptive statistical method is used to measure the frequencies and percentage of the demographical factors which are gender, age and race. Inferential statistical method such as Pearson Correlation is used to analyze the hypotheses of the study; the relationship between the Big-Five personality and the helping skills. Findings of the study show that there are relationships between Agreeableness personality and exploring skills, Conscientiousness personality with action skills and Emotional stability personality with action skills. There are however, no relationship between Extrovert personality with insight skills, exploring skills and action skills, between Agreeableness personality with insight skills and action skills, between Conscientiousness personality with insight skills and exploring skills, between Emotional stability personality with insight skills, between Openness personality with insight, exploring and action skills. At the end of the research, the researcher lists down suggestions for future researchers.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Pada masa kini, kepentingan peranan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dalam masyarakat semakin meningkat terutamanya di sekolah. Hal ini disokong oleh Cowie dan Wallace (2005) kerana kebanyakan sekolah pada masa kini menggunakan sistem sokongan sebaya atau *peer support system* untuk mengatasi masalah seperti masalah buli, masalah sosial, identiti seksual, kesedaran sendiri dan kesunyian di kalangan pelajar sekolah.

Manakala Kinkartz, Quelch dan Berezowsky (2005) pula mendapati kebanyakan sekolah menggunakan program sokongan sebaya atau *peer*

support programs untuk mengajar pelajar bagaimana untuk membantu antara satu sama lain. Keadaan seumpama ini jelas menunjukkan bahawa sokongan rakan sebaya di sekolah merupakan suatu perkara yang penting pada masa kini dalam membantu rakan-rakan sebaya yang lain. Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) merupakan satu medium untuk pihak sekolah menolong para pelajar di sekolah dan pada masa yang sama memupuk sikap saling membantu di kalangan PRS dan pelajar.

Di Amerika Syarikat, Miller dan MacGilchrist (1996) menyatakan bahawa pertolongan sebaya telah wujud sebagai rujukan untuk *one-to-one peer counseling* atau kaunseling sebaya 'seorang untuk seorang' yang dipertanggungjawabkan oleh PRS atau *peer helpers* di sekolah. PRS ini disokong dan dibantu oleh *National Peer Helpers' Association*. Kewujudan serta penubuhan PRS ialah untuk membantu rakan sebaya dengan mengendalikan kaunseling sebaya di sekolah.

Di samping itu juga, Dennis, Phinney dan Chuateco (2005) menyatakan bahawa kesan daripada kekurangan sokongan sebaya memberi kesan dari segi bidang akademik pelajar. Ini kerana sokongan PRS dapat membantu dalam meningkatkan akademik pelajar dari segi penubuhan kumpulan belajar, mentor sebaya atau khidmat yang hampir sama dengannya yang dilihat dapat menolong pelajar-pelajar mendapat sokongan yang diperlukan menerusi sistem PRS ini terutama dalam berhadapan dengan tekanan di kolej atau universiti.

Di Malaysia, menurut Zuraidah Abdul Rahman (2001), program PRS mula diperkenalkan secara tidak formal di sekolah sekitar tahun 1986. Program PRS ini diasaskan oleh Profesor Madya Zuraidah Abdul Rahman. Kini, program PRS merupakan antara program yang giat aktif di sekolah-sekolah. Sebagai contoh, menerusi laman jaring Sekolah Menengah Kebangsaan Berangan, Tumpat, Kelantan menyatakan bahawa PRS berfungsi untuk membantu Unit Bimbingan dan Kaunseling dalam usaha mengenalpasti pelajar yang memerlukan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

1.1 Latar Belakang Kajian

Menurut Zulkifli Yusof (1988), andaian psikologi remaja mengatakan bahawa remaja belasan tahun akan berpaling kepada kelompok sebaya bagi mendapatkan sokongan emosi. Jelasnya, rakan sebaya merupakan pengaruh utama kepada rakan sebaya yang lain dan merupakan tempat untuk mengadu. Dalam konteks ini, PRS merupakan tempat sokongan kepada rakan-rakan di sekolah.

Mengikut Mohamad Salleh Lebar (1999), pada peringkat remaja, mereka sering menghabiskan masa bersama rakan sebaya yang boleh dipercayai yang tinggal berhampiran dengan tempat tinggal, sekolah dan tempat kerja. Pada waktu itu, remaja akan bertukar-tukar fikiran dan

berbincang sesama mereka sama ada tentang perkara berbentuk positif dan negatif.

PRS dilihat lebih memahami jiwa remaja dan juga sesiapa yang bermasalah untuk meluahkan perasaan mereka. Dengan itu, PRS adalah pendengar yang baik dan bersedia memberikan pendapat yang munasabah. PRS juga dapat berkongsi idea dan bertukar pendapat dengan rakan sebaya yang lain. Melalui cara ini, remaja atau rakan sebaya dapat membentuk konsep sendiri dan personaliti yang sihat. Remaja yang bermasalah juga tidak malu berterus terang dengan PRS kerana pada masa ini PRS dilihat bersedia menjadi kaunselor rakan sebaya (Mohamad Salleh Lebar, 1999).

Zulkifli Yusof (1988) juga menyatakan bahawa PRS dapat membantu dalam meningkatkan sama ada berkesan atau tidak mana-mana program yang diadakan di sekolah. Kebanyakan program yang diadakan di sekolah yang melibatkan para pelajar kebiasaannya dikendalikan oleh PRS dengan bantuan kaunselor dan pihak sekolah. Ini kerana pelajar lebih mudah berinteraksi dan berasa selesa dengan PRS (Boyer, 1984).

Kaunselor rakan sebaya merupakan antara program yang dilakukan untuk meningkatkan lagi keberkesanan program bimbingan sekolah. Ia merupakan satu tenaga positif yang membolehkan program bimbingan diadakan meliputi kelompok pelajar yang mungkin sukar didampingi melalui guru bimbingan dan kaunseling seperti biasa. Pengaruh rakan sebaya yang dilihat dapat mempengaruhi rakan sebaya yang lain. Maka dengan itu, latihan

dan asuhan yang bersesuaian dilakukan untuk mewujudkan kaunselor rakan sebaya (Aminah Haji Hashim & Llyod, 1995).

Seseorang yang menolong atau *helpers* membawa cara yang unik dalam melakukan kemahiran menolong. Penolong yang dimaksudkan merujuk kepada Pembimbing Rakan Sebaya. Daripada pernyataan tersebut, PRS menggunakan kemahiran menolong dalam membantu rakan. Proses menolong ialah menolong klien untuk meneroka perasaan, mencapai kefahaman atau celik akal, dan membuat perubahan positif dalam kehidupan (Hill & O'Brien, 2001).

Menurut Hill dan O'Brien (2001) juga, terdapat model tiga peringkat atau *three stage model* yang digunakan dalam menolong iaitu peringkat kefahaman, meneroka dan bertindak. Ia adalah satu bentuk rangka kerja yang digunakan dalam kemahiran menolong untuk memimpin klien melalui proses meneroka, memahami permasalahan, dan membuat perubahan dalam kehidupan.

Rakan sebaya memainkan peranan yang besar dalam pembentukan personaliti seseorang remaja (Arieff Salleh Rosman & Wardah Mokhtar, 2004). Daripada pernyataan ini, personaliti akan dipengaruhi oleh rakan sebaya. Dalam peringkat usia remaja, rakan sebaya merupakan elemen penting dalam hidup mereka. Personaliti rakan sebaya juga memberikan kesan pada personaliti remaja itu sendiri.

Selain itu, pendidikan di sekolah memainkan peranan yang besar dalam pembentukan personaliti seseorang remaja (Arieff Salleh Rosman & Wardah Mokhtar, 2004). Sekiranya sistem pendidikan yang diterapkan di sekolah sesuai maka ia akan menghasilkan remaja yang berkualiti. Menurut Arieff Salleh Rosman dan Wardah Mokhtar (2004), terdapat dua faktor yang mempengaruhi perkembangan personaliti iaitu iaitu baka keturunan dan persekitaran. Pengaruh persekitaran termasuklah didikan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, pendidikan di sekolah, sosiobudaya, pemakanan, simbol status dan media massa.

1.2 Kenyataan Masalah

Pada masa kini, terdapat banyak sekolah telah menubuhkan program PRS di sekolah masing-masing. Menurut Baldwin (2002), strategi membantu penting dalam proses membantu. Ini menunjukkan bahawa kemahiran menolong merupakan kemahiran yang penting dalam proses menolong. Baldwin (2002) turut menyatakan bahawa personaliti juga memainkan peranan yang penting dalam proses membantu atau menolong.

Frenza (1985) juga menyatakan bahawa penerimaan terhadap kaunselor sebaya (PRS) semakin meningkat dan diterima dalam perhubungan menolong. Selain itu, menurut Frenza (1985), program kaunselor sebaya turut

menyediakan latihan dalam kemahiran tertentu yang berkaitan dengan perhubungan menolong.

Oleh itu, berdasarkan pernyataan di atas menerangkan bahawa personaliti mempunyai perkaitan dengan kemahiran menolong yang digunakan oleh PRS. Dalam kajian ini, adalah penting untuk mengetahui hubungan antara personaliti dengan kemahiran menolong. Ia adalah untuk mengenal pasti sama ada adakah wujudnya hubungan antara personaliti dengan kemahiran menolong yang sering digunakan oleh PRS dalam membantu rakan.

1.3 Objektif Kajian

1.3.1 Objektif Umum

Mengkaji hubungan antara personaliti dengan kemahiran menolong yang digunakan oleh Pembimbing Rakan Sebaya (PRS).

1.3.2 Objektif Khusus

1.3.2.1 Mengkaji hubungan antara personaliti Ekstrovert dengan kemahiran kefahaman, meneroka dan bertindak

1.3.2.2 Mengkaji hubungan antara personaliti Penyetujuan dengan kemahiran kefahaman, meneroka dan bertindak

1.3.2.3 Mengkaji hubungan antara personaliti Ketelitian dengan kemahiran kefahaman, meneroka dan bertindak

1.3.2.4 Mengkaji hubungan antara personaliti Kestabilan emosi dengan kemahiran kefahaman, meneroka dan bertindak

1.3.2.5 Mengkaji hubungan antara personaliti Keterbukaan dengan kemahiran kefahaman, meneroka dan bertindak

1.4 Hipotesis Kajian

1.4.1 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Ekstrovert dengan kemahiran kefahaman

1.4.2 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Ekstrovert dengan kemahiran meneroka

1.4.3 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Ekstrovert dengan kemahiran bertindak

1.4.4 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Penyetujuan dengan kemahiran kefahaman


1.4.5 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Penyetujuan dengan kemahiran meneroka

1.4.6 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Penyetujuan dengan kemahiran bertindak

1.4.7 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Ketelitian dengan kemahiran kefahaman

- 1.4.8 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Ketelitian dengan kemahiran meneroka
- 1.4.9 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Ketelitian dengan kemahiran bertindak
- 1.4.10 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Kestabilan emosi dengan kemahiran kefahaman
- 1.4.11 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Kestabilan emosi dengan kemahiran meneroka
- 1.4.12 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Kestabilan emosi dengan kemahiran bertindak
- 1.4.13 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Keterbukaan dengan kemahiran kefahaman
- 1.4.14 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Keterbukaan dengan kemahiran meneroka
- 1.4.15 Tiada hubungan signifikan antara personaliti Keterbukaan dengan kemahiran bertindak

1.4 Kerangka Konseptual



Rajah 1: Hubungan antara personaliti dengan kemahiran menolong yang digunakan oleh Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)